

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN : 31**

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi merealisasikan cadangan YAB Perdana Menteri memperkenalkan urusan perdagangan menggunakan mata wang emas sebagaimana diucap beliau di Persidangan Antarabangsa mengenai Masa Depan Asia (Nikkei Conference), Tokyo.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat sistem pertukaran mata wang asing yang diguna pakai pada masa ini terdedah kepada risiko volatiliti, aktiviti spekulatif berlebihan dan kebergantungan terhadap mata wang Amerika Syarikat dolar (USD) dalam pasaran antarabangsa. Menyedari kelemahan-kelemahan ini, konsep sistem mata wang berdasarkan emas dicetuskan sebagai alternatif bagi menanganinya.

Namun begitu, pelaksanaan sistem mata wang berdasarkan emas melibatkan hubungan perdagangan antarabangsa dan memerlukan kerjasama serta persetujuan rakan perdagangan. Sehubungan itu, Kerajaan sedang meneliti dan membuat kajian mendalam berkaitan peluang, manfaat, risiko, prasyarat, kerangka dasar dan kaedah terbaik bagi cadangan tersebut dilaksanakan supaya dapat mengelakkan pelaksanaan polisi yang tidak lengkap dan seterusnya memastikan kejayaannya.

Pada masa ini, negara kita masih menggunakan sistem pertukaran mata wang asing dalam urusan perdagangan. Bagi tujuan memastikan risiko volatiliti, aktiviti spekulatif berlebihan dan kebergantungan terhadap mata wang USD dapat ditangani dengan sebaiknya. Bank Negara Malaysia (BNM) telah pun memperkenalkan beberapa langkah. Antara langkah-langkah yang telah diambil BNM ialah peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan pertukaran asing sedia ada bagi mengekang aktiviti spekulasi, memastikan sistem penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan serta usaha berterusan daripada BNM untuk mengurus volatiliti yang ketara dan memastikan pasaran pertukaran asing domestik mempunyai kecairan yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.